

'Saya terhumban, tersepit depan bas'

D/Minggu 15/11/2011 NS 5.

Mangsa nahas sedih lihat rakan maut ketika bantu penumpang lain keluar dari kenderaan

Oleh Rosman Shamsuddin
dan Ravale Savarinathan
bhnews@bharian.com.my

SLIM RIVER: "Selepas bas terbalik, saya nampak Khairul Anwar Azran membantu rakan lain keluar dari bas apabila tiba-tiba bas dilanggar dengan kuat menyebabkan saya terhumban dan kaki tersepit di depan bas lalu tidak boleh bergerak lagi sehingga bomba tiba," kata Mohd Azim Dahalan, 15, rakan karib Khairul yang maut dalam kemalangan membabitkan bas dan treler di kilometer 382 Lebuhraya Utara Selatan dekat sini, kelmarin.

Mohd Azim berkata, ketika kejadian beliau duduk di bangku keempat dari belakang di sebelah kanan bas dan sedang nyenyak tidur kerana keletihan sebelum mendengar bunyi letupan kuat seperti tayar bas pecah dan bas terus terbalik.

"Saya tercampak ke depan bas serta cuba bangun keluar walaupun terasa pening dan ketika mahu keluar tiba-tiba dilanggar dengan kuat menyebabkan kaki pula tersepit.

"Saya tidak boleh bergerak dan tangan kiri rasa sakit serta cuba melihat di dalam bas mencari Khairul tetapi tidak melihat kelibatnya sehingga mendapat tahu dia sudah terbunuh," katanya hiba ketika ditemui di Wad Sembilan, Hospital Slim River (HSR) di sini, semalam.

Mohd Azim yang patah tangan kiri berkata, rakan sekelasnya itu seorang yang peramah tetapi tiba-tiba menjadi pendiam sepanjang perjalanan dari Kedah dan beliau merasa amat kehilangan rakannya itu walaupun bersyukur terselamat.

Sementara itu, seorang lagi rakannya, Mohamad Shariffuddin Johari, 15, yang juga patah tangan kiri merasa trauma dan serik untuk menaiki bas lagi pada masa akan datang.

"Saya harap ini adalah pengalaman terakhir menaiki bas kerana sudah tidak dapat jumpa lagi dua



MOHD AZIM menunjukkan gambar rakannya, Khairul Anwar kepada Ahli Lembaga Pelawat Hospital Slim River, Datuk KRA Naidu di hospital itu, semalam.

rakan dan guru saya selama-lamanya," katanya.

Mohamad Shariffuddin berkata, ketika kejadian beliau terhumban ke depan bas sehingga kepalanya menjadi pening tetapi masih dapat mendengar suara guru menyuruh mereka segera keluar dari bas sebelum pengsan dan hanya sedar selepas berada di HSR.

Bapanya, Johari Saat, 58, berkata beliau menerima panggilan dari rakan anaknya kira-kira jam 6 pagi



Saya tercampak ke depan bas serta cuba bangun keluar walaupun terasa pening dan ketika mahu keluar tiba-tiba dilanggar dengan kuat menyebabkan kaki pula tersepit

Mohd Azim Dahalan
Mangsa nahas

dan apabila tiba di HSR kira-kira jam 4 petang mendapati anaknya sudah terlantar di hospital.

Selain Khairul, kemalangan kira-kira jam 4.30 pagi itu turut meragut nyawa Maysarra Zaidi, 15, dan guru, Siti Hajar Mohamad, 33, serta Ketua Wanita UMNO Cawangan Kampung Alor Teja, Basarah Saat, 45.

Kemalangan itu dipercayai berlaku apabila bas yang dinaiki pelajar dan guru Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Air Merah, Kulim, Kedah, terbabas ke kiri jalan lalu terbalik ke posisi mengiring dan dalam keadaan kelim kabut pelajar dan guru cuba menyelamatkan diri tetapi treler yang membawa muatan pasir yang datang dari arah belakang merempuh bas berkenaan.

Sementara itu, seorang guru, Azriahani Ahmad, 31, dan pelajar, Mohd Faisal Anuar, 15, yang dirawat di HSR sudah dibenarkan pulang ke rumah masing-masing pagi semalam.

Di Hospital Teluk Intan (HTI) pu-

la, guru Rosilawati Mat Riffin, 40 dan anaknya Idzmi Haikal Khairul Shah, 5, serta pelajar Abdul Rahman Daniel Abdul Ghani, 15, dilaporkan dalam keadaan stabil.

Jurucakap HTI, berkata Idzmi Haikal menjalani pembedahan pada jam 8 pagi semalam manakala Abdul Rahman Daniel pada jam 11.30 pagi dan mereka dijangka boleh dibenarkan pulang dalam tempoh dua tiga hari ini manakala Rosilawati yang cedera parah di lima anggota badan, bakal menjalani pembedahan esok, dan mungkin terpaksa tinggal di dalam wad dalam tempoh lebih lama.

Mazylina berkata, jenazah anaknya itu dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Masjid Kampung Menora, Seberang Prai Utara, Pulau Pinang.

Selain Maysarra seorang lagi rakannya, Khairul Anwar Azhan, 15; guru mereka, Siti Hajar Mohamed, 33; dan Ketua Wanita UMNO Cawangan Alor Teja, Alor Setar, Basarah Saad, 45, maut dalam kejadian jam 4.45 pagi itu.